



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

**SISTEM IMBASAN KOD QR BAGI PENGESAHAN KETULENAN DOKUMEN  
MAHKAMAH DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

Pada masa ini, terdapat banyak aduan yang diterima oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) mengenai penipuan (*scam*) menggunakan nama dan dokumen Mahkamah. Hebahan dan makluman mengenai penipuan sebegini telah diuar-uarkan kepada orang awam namun masih ada yang tertipu dengan taktik licik sindiket penipuan ini.

Sehubungan itu, bermula 1 Julai 2020, PKPMP akan melancarkan Sistem Imbasan Kod QR bagi tujuan pengesahan dokumen Mahkamah. Ini merupakan salah satu inisiatif yang membolehkan orang awam untuk mengesahkan ketulenan dokumen Mahkamah dengan hanya membuat imbasan kod QR.

Sistem imbasan kod QR ini boleh digunakan pada semua dokumen mahkamah yang dijana dan difailkan melalui sistem e-Kehakiman di 22 lokasi di Semenanjung Malaysia. Lokasi-lokasi mahkamah yang terlibat adalah Mahkamah Kuala Lumpur, Mahkamah Shah Alam, Mahkamah Selayang, Mahkamah Klang, Mahkamah Georgetown, Mahkamah Butterworth, Mahkamah Johor Bahru, Mahkamah Muar, Mahkamah Ipoh, Mahkamah Taiping, Mahkamah Putrajaya, Mahkamah Kangar, Mahkamah Alor Setar, Mahkamah Sungai Petani, Mahkamah Melaka, Mahkamah Seremban, Mahkamah Kuantan, Mahkamah Temerloh, Mahkamah Kuala Terengganu, Mahkamah Kota Bharu, Mahkamah Langkawi dan Mahkamah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Pengguna yang ingin mengesahkan ketulenan dokumen Mahkamah boleh mengimbas kod QR yang dipaparkan pada dokumen Mahkamah tersebut menggunakan peranti elektronik yang mempunyai fungsi imbasan. Hasil imbasan akan membawa pengguna ke pautan <https://ecourt.kehakiman.gov.my/> dan mendapatkan pengesahan ketulenan dokumen tersebut.

Pejabat ini percaya inisiatif ini dapat mengelakkan orang awam daripada diperdaya dengan dokumen palsu yang didakwa dikeluarkan oleh pihak mahkamah. Inisiatif ini juga dapat membantu institusi perbankan, Pejabat Tanah dan Galian, pihak berkuasa tempatan, badan-badan berkanun dan pihak-pihak lain mengambil tindakan terhadap apa-apa dokumen Mahkamah seperti Perintah serta Penghakiman yang diserahkan kepada mereka dengan segera tanpa meragui ketulenan dokumen tersebut kerana pengesahan boleh dibuat hanya dengan membuat imbasan kod QR. Sistem Imbasan Kod QR ini juga adalah selamat kerana pengguna akan dibawa ke pautan laman sesawang kerajaan yang diiktiraf. Ia juga dapat menjimatkan masa dan kos semua pihak dalam menentukan ketulenan sesuatu dokumen mahkamah.

PKPMP berhasrat untuk meluaskan lagi penggunaan sistem imbasan kod QR bagi semua dokumen-dokumen Mahkamah di seluruh Malaysia pada masa akan datang. Semoga inisiatif ini dapat meningkatkan lagi kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan dan juga sebagai salah satu khidmat masyarakat oleh PKPMP.

Brosur dan video yang menerangkan mengenai sistem ini boleh dibaca dan diakses di Portal rasmi PKPMP melalui pautan [www.kehakiman.gov.my](http://www.kehakiman.gov.my).

Terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

**Tarikh:**      **30 Jun 2020**